



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain kandungan khutbah yang dikeluarkan.

## “**RUKUN HAJI: KEAZAMAN DAN KESUNGGUHAN**”

17 April 2026 / 28 Syawal 1447

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>1</sup> الْوَاحِدِ الْأَحَدِ، الْفَرْدِ الصَّمَدِ، الَّذِي لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ، وَلَمْ يَكُنْ لَهُ كُفُوًا أَحَدٌ.  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>2</sup> وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا  
بَعْدُ، يَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا<sup>3</sup> اللَّهَ أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

### **Para tetamu rumah Allah yang dilimpahi rahmat kemuliaan**

Marilah kita meningkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan mengerjakan setiap perintah serta menjauhi segala larangan Nya. Sesungguhnya kemuliaan seseorang insan dinilai daripada ketakwaan; dan tiada bekalan yang lebih baik untuk akhirat melainkan takwa. Bersempena musim haji pada tahun ini, mimbar akan menyampaikan khutbah bertajuk:

### **RUKUN HAJI: “KEAZAMAN DAN KESUNGGUHAN”**

Ibadah haji ialah Rukun Islam kelima, diwajibkan kepada setiap Muslim, untuk dikerjakan sekali seumur hidup, apabila sempurna syarat-syarat wajibnya. Firman Allah SWT:

...وَلِلَّهِ عَلَى النَّاسِ حِجُّ الْبَيْتِ مَنِ اسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا

Bermaksud: Dan Allah mewajibkan manusia mengerjakan haji dengan mengunjungi Baitullah, iaitu (bagi) orang yang mampu sampai kepadanya.

(Surah Ali Imran ayat 97)

Penerbangan pertama jemaah haji Malaysia pada tahun ini akan bermula pada 18 April. Didoakan semoga para jemaah yang terpilih untuk mengerjakan haji pada tahun ini, dikurniakan haji mabrur; tiada balasan lain bagi haji yang mabrur

<sup>1</sup> Memuji Allah SWT

<sup>2</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>3</sup> Pesan Taqwa



melainkan syurga. Sesungguhnya, fadilat ibadah haji amat luar biasa; akan diampunkan segala dosa; daripada Abu Hurairah RA, Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ حَجَّ لِلَّهِ فَلَمْ يَرْفُثْ وَلَمْ يَفْسُقْ رَجَعَ كَيَوْمٍ وُلِدَتْهُ أُمُّهُ

Bermaksud: "Sesiapa yang melaksanakan ibadah haji semata-mata kerana Allah dan dia tidak menuturkan perkataan keji dan tidak melakukan kefasiqan, maka dia akan kembali seperti bayi yang baru dilahirkan ibunya (bersih daripada dosa)."

(Riwayat al-Bukhari & Muslim)

### Jemaah yang dirahmati Illahi

Bersyukurlah dalam kalangan ummah yang terpilih untuk mengerjakan rukun haji pada tahun ini. Sedarilah! Anda sebenarnya ialah tetamu yang telah dipilih oleh Allah SWT untuk sampai ke Baitullah, bagi mengerjakan Rukun Islam kelima. Bagi yang belum terpilih untuk mengerjakan haji pada tahun ini, teruskan berdoa, dengan azam dan kesungguhan, memohon ihsan Illahi, untuk disenaraikan sebagai tetamu Allah dalam masa terdekat.

Menyimpan dan menabung untuk menunaikan haji, di samping mempelajari, mengikuti ceramah dan menghadiri kursus-kursus haji, membuktikan kesungguhan azam dan niat kita mahu menunaikan ibadah haji. Kisah-kisah jemaah haji yang terdahulu yang menabung sedikit demi sedikit, memakan masa puluhan tahun sebelum memiliki wang yang cukup untuk mengerjakan ibadah haji, amat menginsafkan dan sewajibnya dijadikan teladan.

Mimbar ingin menarik perhatian jemaah kepada perkara-perkara berikut:

**Pertama:** Salah satu syarat wajib haji ialah kemampuan atau "*istita'ah*", sama ada bersifat kewangan, keselamatan, kesihatan atau kuota haji. Menabung untuk mencukupkan dana menunaikan haji amat digalakkan, bermula dengan membuka akaun simpanan haji, menetapkan sasaran simpanan secara bulanan biarpun sedikit tetapi berterusan, melalui potongan gaji bulanan atau melalui perancangan pendapatan dan perbelanjaan secara bijak. Ibu bapa dianjurkan mendidik anak-anak, dengan merintis usaha membuka akaun simpanan atau menabung untuk tujuan haji sejak mereka kecil lagi, atau sebaik mereka dilahirkan.



Setiap ringgit yang disimpan dengan niat mengerjakan haji, membuktikan azam dan kesungguhan kita, dan merupakan ibadah yang dilimpahi keberkatan. Hakikatnya, ibadah haji mendidik ummah untuk berfikir tentang masa hadapan.

**Kedua:** Ibadah haji tidak sepatutnya dijadikan ibadah yang diniatkan untuk dikerjakan setelah mencecah usia tua; kerana ibadah haji melibatkan bermusafir, perjalanan yang jauh; mengerjakan rukun-rukun haji yang memerlukan banyak pergerakan jasmani yang mencabar seperti tawaf, sai'e, melontar jamrah, berwuquf, bermalam di Muzalifah dan Mina dan lain pelbagai pergerakan lagi. Oleh itu ibadah haji, sebaiknya dikerjakan ketika usia masih muda, ketika tubuh badan masih sihat, kuat dan cergas.

**Ketiga:** Kuota haji turut termasuk dalam syarat wajib haji di bawah pengertian kemampuan atau "*istita'ah*". Oleh itu ummah dinasihatkan agar segera mendaftar dengan Lembaga Urusan Tabung Haji, sebaiknya pada usia muda, ketika masih dalam usia kanak-kanak, malah sebaik bayi dilahirkan, agar nama mereka akan terpilih untuk mengerjakan haji pada usia yang muda.

**Keempat:** Ibadah haji sarat dengan nilai-nilai perpaduan, pengorbanan, kesabaran, kesyukuran, muhasabah diri, persamaan sesama manusia, penyucian jiwa, tunduk dan patuh kepada Illahi, keinsafan dan keikhlasan.

**Kelima:** Persiapan ilmu pengetahuan sangat penting untuk dapat meraih haji yang mabrur. Ummah disarankan sentiasa membaca, mempelajari dan mengikuti kuliah atau perkongsian pengalaman berkaitan ibadah haji. Kefahaman yang betul tentang syarat-syarat sah haji, rukun dan wajib haji, larangan dalam ihram, jenis-jenis haji, doa dan zikir dan lain-lain akan menatijahkan haji yang mabrur. Bagi mereka yang berkemampuan tetapi belum tiba giliran terpilih mengerjakan haji, dianjurkan menunaikan umrah terlebih dahulu kerana umrah memberikan pendedahan amali yang terbaik untuk menghayati rukun-rukun mengerjakan haji.

**Keenam:** Kesihatan yang baik adalah antara syarat penting untuk pemilihan jemaah haji. Jemaah haji perlu melepasi tapisan kesihatan yang ditetapkan untuk melayakkan mereka ditawarkan tempat mengerjakan haji.



**Ketujuh:** Berdoa dengan penuh azam agar kita terpilih menjadi tetamu Allah. Berniat, dan berusaha bersungguh-sungguh mahu mengerjakan ibadah haji walaupun kewangan belum mencukupi; agar menyelamatkan kita tentang peringatan Rasulullah SAW melalui hadis yang bermaksud:

“Sesiapa yang berkemampuan untuk menunaikan haji tetapi sengaja tidak menunaikannya, maka hampir-hampir matinya, mati seorang Yahudi atau Nasrani atau Majusi”  
(Riwayat Abu Daud)

**Kelapan:** Kerajaan Arab Saudi telah memberikan pengiktirafan tertinggi kepada pengurusan Lembaga Tabung Haji Malaysia sebagai pengurusan haji terbaik dunia. Malaysia diiktiraf kerana jemaah haji berjaya mengamalkan penjagaan kebersihan dan disiplin yang tinggi serta sistem disiplin dan pengurusan yang terbaik. Oleh itu diingatkan kepada para jemaah, agar menjaga adab dan akhlak, bersabar dan berdisiplin, saling membantu sesama jemaah, serta menjaga kebersihan dan ketertiban semasa mengerjakan ibadah haji.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>4</sup> حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>5</sup> وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>6</sup> وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

**Muslimin yang dirahmati Allah,**

<sup>4</sup> Memuji Allah

<sup>5</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>6</sup> Pesan Taqwa



Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin, serta para ulama yang muktabar meliputi aliran *Asya'irah* dan *Maturidiyyah*. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا<sup>7</sup>  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ  
عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ  
حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ<sup>8</sup>، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ  
وَأَلْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.  
اللَّهُمَّ اعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَاَنْصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخَوَاتِنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فِلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ  
أَهْلَهَا وَاَنْصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِّرْ أَعْدَائَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

**Ya Allah Ya Rabbal 'Alamin**, Pertautkanlah hati kami atas keimanan dan ketakwaan. Mudahkan segala urusan para jemaah haji, kurniai mereka kesihatan yang baik, begitu juga perlindungan keselamatan sepanjang perjalanan ketika mereka bermusafir. Anugerahi mereka dengan haji yang mabrur. Titipkan kesedaran dan keinsafan kepada kami untuk menyimpan dan menabung bagi mencukupkan perbelanjaan membolehkan kami mengerjakan ibadah haji ketika usia yang muda.

**Ya Mannan! Ya Razzaq!**, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki berlipat ganda, sucikan harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

<sup>7</sup> Ayat Al-Quran

<sup>8</sup> Doa untuk Kaum Muslimin



**Ya Aziz! Ya Qahhar!** Lindungi umat Islam yang sedang dizalimi serta ditindas oleh musuh-musuh Islam terutamanya umat Islam di Palestin dan Iran yang kini menjadi mangsa kezaliman rejim Zionis Israel, bersama Amerika Syarikat dan sekutu mereka; limpahi ihsan Mu membela dan mengurniakan kemenangan kepada hamba-hamba Mu di bumi Palestin dan Iran untuk dapat kembali hidup dalam suasana yang aman, selamat serta makmur.

**Ya Mu'min! Ya Muhaimin!** Jauhi kami daripada kemurkaan Mu; jauhi kami daripada termasuk dalam kalangan orang-orang yang terhalang mendapat nikmat Mu; jauhi kami daripada kesengsaraan, bencana dan malapetaka. Jauhi kami daripada kejahilan dan kezaliman. Limpahi rahmat Mu agar negara kami berada dalam keadaan selamat dan makmur, rakyatnya hidup dalam suasana aman dan muhibah.

**Ya Maalikal Mulk!** Lantiklah untuk urusan kami, orang-orang yang terbaik dalam kalangan kami. Jangan Engkau lantik untuk urusan kami, orang-orang yang terburuk dalam kalangan kami. Hindari negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah lagi ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

**Ya Muiz! Ya Adzhiim! Ya Kabiir!** kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ  
عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى  
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.